

## Topik 3: Empayar Keempat Bercampur Secara Genetik (sama seperti Brunei dan Melaka) tetapi Tidak Dapat Bersatu

---

Apakah persamaan diantara Charlemagne, Hitler, Wilhelm Kaiser, Napoleon dan Charles V? Mereka semua adalah pemimpin tentera yang berkuasa yang bertekad untuk menyatukan semula Eropah menjadi satu empayar yang kuat.

Alangkah baiknya jika mereka mengetahui akan ramalan Daniel. Berabad-abad sebelum mereka mencuba untuk menakluki kawasan ini, Daniel telah meramalkan bahawa mereka tidak akan dapat bersatu (Daniel 2:43).

Daniel ditunjukkan satu lagi fakta mengenai kuasa-kuasa Eropah. Sementara mereka masih lagi berkuasa, sementara mereka sedang mempengaruhi dunia, Allah akan membangunkan Kerajaannya dan menghancurkan semua kerajaan manusia.

*Tetapi pada zaman raja-raja, Allah semesta langit akan mendirikan suatu kerajaan yang tidak akan binasa sampai selama-lamanya, dan kekuasaan tidak akan beralih lagi kepada bangsa lain: kerajaan itu akan meremukkan segala kerajaan dan menghabisinya, tetapi kerajaan itu sendiri akan tetap untuk selama-lamanya, tepat seperti yang tuanku lihat, bahwa tanpa perbuatan tangan manusia sebuah batu terungkit lepas dari gunung dan meremukkan besi, tembaga, tanah liat, perak dan emas itu. Allah yang maha besar telah memberitahukan kepada tuanku raja apa yang akan terjadi di kemudian hari; mimpi itu adalah benar dan maknanya dapat dipercayai." (Daniel 2:44, 45)*

Pada masa lalu, sultan Brunei dan Sultan Melaka berusaha untuk menyatukan kuasa mereka melalui perkahwinan tetapi akhirnya mereka gagal. Anda mungkin berminat untuk mengetahui bahawa keluarga diraja orang Eropah mencuba untuk mengelakkan peperangan dengan menggunakan cara yang sama. Sehingga kebanyakan keluarga royalty Eropah mempunyai tali persaudaraan antara satu sama yang lain.

Sejauh manakah kuasa jajahan mereka berkembang? Negara jajahan Eropah di Sepanyol, Portugal, England, Perancis, Jerman, Belanda, dan Itali telah menguasai negara - negara

seperti: - Amerika Utara - Amerika Selatan - Kebanyakan Afrika - Kebanyakan Timur Tengah - India dan Pakistan - Australia - Filipina - Indonesia - Malaysia - Kebanyakan rantai dan kumpulan pulau - Hong Kong dan kawasan jiran - dari semasa ke semasa dan juga di kawasan Eropah sendiri.

Dan semua empayar ini berpusat di suatu benua yang kecil, di bawah penguasaan sekumpulan negara yang kecil yang diramalkan Tuhan bahawa pusat ini akan berkuasa ke atas seluruh dunia.

Apa yang berlaku seterusnya, menurut nabi Daniel, adalah pengakhiran bagi semua kuasa dan semua kerajaan duniawi; apabila Allah memusnahkan semua kerajaan manusia di akhir zaman.

Dan semua empayar ini berpusat di suatu benua yang kecil, di bawah penguasaan kumpulan kecil dari negara- negara kecil yang telah diramalkan Allah bahawa kumpulan ini akan menjadi sangat berkuasa di atas seluruh dunia.

Apa yang akan terjadi seterusnya? Menurut nabi Daniel, pengakhiran semua kuasa dan semua kerajaan duniawi akan tiba iaitu ketika Tuhan memusnahkan pemerintahan manusia pada Hari Besar.

Dalam tiga artikel pertama ini, kita telah melihat penglihatan pertama Daniel telah dijelaskan. Terdapat banyak lagi maklumat dalam nubuatan-nubuatan Daniel yang lain, dan dalam artikel yang seterusnya kita akan melihat salah satu nubuatan yang paling menakjubkan dalam sejarah. Apabila anda melihat ramalannya, anda akan memahami, sebagai contoh, apakah pandangan Allah akan “perang suci” pada Zaman Pertengahan.

Tetapi sebelum kita akhiri video ini, mari kita tinjau sejauh mana telah kita pelajari.

- Pertama, Allah memberi Daniel pengertian tentang mimpi nubuatan.
- Kedua, mimpi itu meramalkan tentang sejarah terkenal kerajaan dunia dua ribu tahun yang seterusnya.
- Ketiga, mimpi itu menyatakan bahawa cuma ada empat empayar yang akan mempunyai pengaruh di seluruh dunia, bermula dari empayar Babilon. (Bagaimanakah nabi itu tahu bahawa tidak akan ada tiga, tujuh atau tiga puluh?)
- Keempat, Allah meramalkan bahawa kerajaan Roma akan berpecah menjadi unit yang kecil dan tidak akan bersatu lagi, walaupun mereka berkuasa diatas dunia.
- Kelima, kita telah belajar bahawa hanya Allah yang dapat menerangkan masa depan seperti ini. Para ulama, ahli sihir dan bomoh tidak dapat melakukannya.

Mereka tidak dapat meramalkan sesuatu dengan tepat dalam jangka masa yang panjang.

- Kesimpulannya, kita haruslah mengambil perhatian tentang apa yang disampaikan Allah melalui pesuruhnya. Kita mahu menjadi sebahagian daripada kerajaan yang kekal untuk selama-lamanya. Kerajaan ini akan datang tidak lama lagi.

Pada artikel yang seterusnya, kita akan melihat tentang nubuatan Daniel yang menakjubkan. Kita akan mempelajari tentang hari Penghakiman untuk orang Melayu.